

Perketat pengawasan produk makanan laut Jepun

UM 29/8/2023 MS: 29

KUALA LUMPUR: Pemeriksaan tahap empat atau pengawasan yang ketat terhadap produk makanan laut berisiko dari Jepun dilihat sebagai satu keperluan bagi mengelak timbul kerisauan dalam kalangan rakyat tempatan.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pakar Kesihatan dari Fakulti Perubatan Dan Sains Kesihatan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr. Zawiah Mansor berkata, perkara itu wajar dilakukan segera bagi menjamin keselamatan dan kesihatan rakyat Malaysia.

“Bagaimanapun, beberapa langkah yang diambil oleh pihak berkaitan seperti Kementerian Kesihatan (KKM) yang menjalankan pemeriksaan tahap empat atau pengawasan terhadap produk makanan

berisiko tinggi daripada Jepun adalah sebahagian daripada langkah yang tepat untuk memastikan keselamatan makanan dan mengurangkan kerisauan masyarakat.

“Berikutan makluman bahawa air radioaktif terawat yang dilepaskan memenuhi standard dan mendapat kelulusan daripada International Atomic Energy Agency (IAEA), namun, kesan jangka masa panjang terhadap makanan laut akibat pelepasan ini adalah kurang diketahui.

“Ini adalah kerana kemungkinan berlaku proses bioakumulasi iaitu proses pengumpulan bahan pencemar seperti bahan kimia atau radioaktif di dalam hidupan laut akibat pendedahan kepada persekitaran yang mempunyai

pencemaran tersebut dalam tempoh masa panjang.

“Pengambilan makanan laut yang mengandungi bahan kimia atau radioaktif melalui proses bioakumulasi ini secara berterusan ini boleh memberi kesan kesihatan terhadap manusia,” katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Kelmarin, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS), Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata, Malaysia belum memutuskan untuk melaksanakan sebarang sekatan membatalkan import makanan laut dari Jepun susulan tindakan negara itu melepaskan air radioaktif yang dirawat dari loji nuklear Fukushima ke Lautan Pasifik, bermula kelmarin.

Katanya, keputusan me-

ngenainya hanya akan dibuat selepas keputusan kajian yang dilaksanakan beberapa pihak berkaitan diperolehi.

Dalam pada itu, jelas Dr. Zawiah, selain tindakan kajian dan pemantauan berterusan, penilaian risiko dan komunikasi risiko yang tepat dan pantas kepada masyarakat oleh pihak yang berkaitan adalah sangat penting di dalam menangani isu ini dan mengelakkan panik dalam masyarakat.

Sementara itu, Presiden Persatuan Pakar Perubatan Kesihatan Awam Malaysia, Datuk Dr. Zainal Ariffin Omar berkata, beliau yakin kepimpinan Jepun membuat pemantauan teliti sebelum tindakan pelepasan itu dilakukan.

“Menurut pengetahuan saya

pada masa ini, status keselamatan makanan terutama produk laut seperti ikan terus dipantau secara ketat oleh pemerintah Jepun. Langkah-langkah diambil untuk mengurangi risiko kontaminasi dan memastikan keselamatan makanan yang dikeluarkan dari sana.

“China mengadakan ujian kertas makanan tersebut dan setakat ini, tiada keputusan yang mencurigakan. Tindakan Kerajaan Jepun yang akan melepaskan 1.3 juta tan air terawat dari loji itu menimbulkan kebimbangan, walaupun diluluskan oleh IAEA.

“Kerajaan Malaysia memang bertindak tepat dalam mengawasi makanan dari sana. Jadi kita tak perlu terlalu risau tentang isu ini,” katanya.